

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## KRITIKAN TERHADAP HIPOTESIS PENGEKSPLISITAN: PENELITIAN HIPOTESIS BLUM-KULKA DALAM TERJEMAHAN

## CRITICISM OF THE EXPLICITATION HYPOTHESIS: OBSERVATIONS ON BLUM-KULKA'S HYPOTHESIS IN TRANSLATION

Mukhlis Rosli <sup>1\*</sup> ; Nasimah Abdullah <sup>2</sup> ; Lubna Abd Rahman <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Islamic Civilisation Studies, The Selangor International Islamic University College (KUIS), Malaysia. Email: [mukhlisrosli93@gmail.com](mailto:mukhlisrosli93@gmail.com)

<sup>2</sup> Department of Arabic Language and Linguistics Studies, The Selangor International Islamic University College (KUIS), Malaysia. Email: [nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia. Email: [lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/126>

### Abstract

Explicitation like any other field in translation studies has its own level of development. The explicitation was first introduced indirectly by Vinay & Darbelnet which was later developed into a systematic study by Blum-Kulka through observations on the level of cohesion in the translated text. Blum-Kulka has proposed an explicitation hypothesis that assumes that the process of interpretations might lead to a target text which is more redundant than the source text regardless of the increase traceable to differences between the two linguistic and textual systems involved. This hypothesis appears to have a significant impact on the domain of explicitation. However, Blum-Kulka's study especially her hypothesis has received a lot of support and questions. Several scholars have approached the matter directly and have various points of view in this regard. In order to present a thorough finding on the problems of this hypothesis, the research aims to conduct a comprehensive research of the critique of the Blum-Kulka explicitation hypothesis. The study focused on descriptive analysis with concentrating on the explicitation hypothesis Blum-Kulka and other related studies. The research process and the critical analysis of views will be drawn to the conclusion of the study. The overall findings of the discussion showed that the Blum-Kulka explicitation hypothesis was exposed to three serious shortcomings. Even so, this hypothesis has an undeniable part in shaping and enhancing the discourse of explicitation these days.

**Keywords:** Explicitation, Explicitation Hypothesis, Blum-Kulka, Process of the Explicitation, Translation-Inherent.

### Abstrak

Bidang pengeksplicitan sepertimana bidang yang lain mempunyai peringkat perkembangan tersendiri dalam lapangan pengajian terjemahan. Pengeksplicitan pada mulanya diperkenalkan secara tidak langsung oleh Vinay & Darbelnet kemudiannya telah dikembangkan kepada satu kajian sistematik oleh Blum-Kulka melalui penelitian tahap kohesi dalam teks terjemahan. Blum-Kulka memperkenalkan hipotesis pengeksplicitan yang menganggap bahawa proses penterjemahan akan menyebabkan teks sasaran lebih cenderung kepada eksplisit berbanding teks sumber tanpa mengambil kira peningkatan jumlah perbezaan sistem linguistik dan tekstual antara dua bahasa. Hipotesis pengeksplicitan berjaya meninggalkan impak yang cukup besar dalam domain pengeksplicitan. Walau bagaimanapun kajian Blum-Kulka khususnya hipotesis pengeksplicitan tersebut telah mendapat sokongan dan kritikan yang pelbagai. Beberapa sarjana telah membincangkan perkara ini secara khusus dan mempunyai sudut pandangan berbeza dalam hal tersebut. Bagi mengemukakan satu dapatan tuntas mengenai permasalahan hipotesis tersebut, maka kajian ini berobjektifkan untuk melakukan penelitian dan tinjauan komprehensif berhubung kritikan terhadap hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka. Penelitian kajian menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif dengan menumpukan kepada hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka dan kajian lain yang bersangkutan dengannya. Proses penelitian dan penganalisisan secara kritis terhadap setiap pandangan akan dimuatkan untuk menghasilkan kesimpulan lengkap kajian. Dapatan keseluruhan perbincangan mendapati hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka terdedah kepada tiga kelemahan utama. Walau bagaimanapun hipotesis ini mempunyai peranan besar yang tidak dapat dinafikan dalam mencorak dan mencambah perbincangan pengeksplicitan pada masa kini.

**Kata Kunci:** Pengeksplicitan, Hipotesis Pengeksplicitan, Blum-Kulka, Proses Pengeksplicitan, Implikasi terjemahan.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 12<sup>th</sup> January 2021, revised 29<sup>th</sup> January 2021, accepted 14<sup>th</sup> February 2021

### Pengenalan

Pengeksplicitan umumnya merupakan perubahan daripada makna implisit bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam bahasa sasaran. Kajian pengeksplicitan adalah penting dalam memelihara kualiti dan mutu huraian sesuatu teks terjemahan (Raoufkazemi et al., 2020: 154)<sup>1</sup>. Bidang pengeksplicitan seperti mana bidang lain mempunyai peringkat perkembangan tersendiri dalam lapangan pengajian terjemahan. Bidang pengajian ini berjaya menarik minat ramai kalangan sarjana penterjemah (Baleghizadeh & Sharifi, 2010: 57)<sup>2</sup>.

Skop pengeksplicitan pada mulanya diperkenalkan secara tidak langsung oleh Vinay & Darbelnet (1958)<sup>3</sup> kemudiannya telah dikembangkan kepada satu kajian sistematik (Murtisari, 2016: 69)<sup>4</sup> oleh Blum-kulka (1986)<sup>5</sup> melalui kertas kerja *Shifts of Cohesion and Coherence in Translation*. Hasil kajian Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> tersebut telah mencambahkan perbincangan yang

hebat dalam kalangan sarjana dan menjadi asas penting dalam perkembangan sejarah bidang pengeksplicitan.

Hipotesis pengeksplicitan telah berjaya meninggalkan impak yang cukup besar dalam domain pengeksplicitan (Krüger, 2014: 161)<sup>6</sup> dan sering dikaji dalam kerangka hipotesis universal terjemahan (Kolehmainen, 2014: 27)<sup>7</sup>. Walau bagaimanapun kajian Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> khususnya hipotesis pengeksplicitannya telah mendapat sokongan dan sambutan yang hebat.

Becher (2010a, 2010b)<sup>8,9</sup> antara yang terkehadapan dalam mengkritik hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> menerusi dua artikelnya “*Towards a More Rigorous Treatment of the Explicitation Hypothesis in Translation Studies*” dan “*Abandoning the Notion of Translation-Inherent Explicitation: Against a Dogma of Translation Studies*”. Kedua-dua artikel ini telah mendapat respons yang pelbagai dan salah satunya adalah daripada Murtisari (2014)<sup>10</sup> menerusi kajian khusus “*Response to Becher’s Two Papers on the Explicitation Hypothesis*”. Meskipun Murtisari (2014: 272)<sup>10</sup> menolak sebahagian daripada pandangan Becher (2010a, 2010b)<sup>8,9</sup>, namun beliau menjelaskan bahawa kedua-dua kajian Becher tersebut boleh dianggap sebagai satu perbincangan yang signifikan dalam bidang pengeksplicitan.

## Metodologi

Bagi mengemukakan satu dapatan tuntas mengenai permasalahan hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>, objektif kajian ini adalah untuk meneliti dan melakukan tinjauan komprehensif berhubung kritikan hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>. Penelitian ini menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif dengan menumpukan kepada hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> serta hasil dapatan kajian lain yang telah mengaplikasikannya dalam terjemahan. Proses penelitian dan penganalisan secara kritis dalam setiap pandangan akan dimuatkan untuk menghasilkan kesimpulan lengkap kajian.

Konsep pengeksplicitan mempunyai kaitan dengan skop pengimplisitan dan adakalanya dibincangkan secara bersama. Konsep pengimplisitan merupakan kesan keterbalikan daripada pengeksplicitan iaitu apabila terjadi perubahan makna eksplisit bahasa sumber kepada makna implisit bahasa sasaran. Walau bagaimanapun kajian ini hanya membataskan kepada konsep universal pengeksplicitan tanpa menyentuh pengimplisitan. Ini bersesuaian dengan skop kajian yang terarah kepada fenomena pengeksplicitan dalam hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>.

## Konsep Pengeksplicitan dalam Terjemahan

Kajian pengeksplicitan menunjukkan bahawa ada kalanya pengeksplicitan dibincangkan bersama teknik penambahan dan pengurangan (Vinay & Darbelnet, 1958)<sup>3</sup>. Sementara teknik penambahan menurut sebahagian sarjana lain adalah lebih umum berbanding pengeksplicitan yang bersifat spesifik (Nida, 1964)<sup>11</sup>. Manakala Englund Dimitrova (1993)<sup>12</sup> pula menggunakan kedua-dua istilah tersebut sebagai satu kata sinonim “*addition-explicitation*”. Perbincangan berkenaan bidang pengeksplicitan turut menjangkau operasi *obligatory explicitation* dan *optional explicitation*, di samping bentuk-bentuk risiko yang terpaksa dihadapi oleh penterjemah (Klaudy, 2009a: 104; Pym, 2005)<sup>13,14</sup>.

Pengeksplisitan didefinisikan sebagai teknik terjemahan yang menjadikan bahasa sasaran mengandung makna lebih eksplisit daripada makna asal implisit yang terdapat dalam bahasa sumber (Vinay & Darbelnet, 1995: 342)<sup>15</sup>.

Sementara itu, Becher (2010b: 7)<sup>9</sup> mengatakan kajian pengeksplisitan menghadapi permasalahan dalam menjelaskan definisi tertentu, di samping tiada definisi yang digunakan secara konsisten. Pandangan tersebut senada dengan dakwaan Kamenická (2013: 45)<sup>16</sup> berhubung definisi konsepnya yang saling bertentangan antara pengkaji. Oleh itu Becher (2010a: 3)<sup>8</sup> mengusulkan definisi baharu iaitu:

*Explicitation is observed where a given target text is more explicit than the corresponding source text*

Definisi ini menyatakan pengeksplisitan terjadi ekoran makna eksplisit teks sasaran adalah lebih tinggi berbanding teks sumber. Pengertian tersebut bersandarkan kepada skop produk atau hasil terjemahan dan bukannya proses penterjemahan. Hal demikian kerana kajian Becher (2010a)<sup>8</sup> menunjukkan peningkatan tahap pengeksplisitan dalam sesuatu teks sasaran bukan terjadi disebabkan proses penterjemahan sepertimana dakwaan sebahagian sarjana sebelumnya.

Pengeksplisitan berkait dengan perubahan (*shift*) struktur atau kandungan bahasa sumber. Teknik pengeksplisitan bertujuan mengatasi kekaburan makna (*ambiguity*), meningkatkan tahap kohesi (ketenunan teks) serta menambah maklumat linguistik dan ekstra linguistik. (Pápai: 2004: 145)<sup>17</sup>. Contohnya makna semantik tertentu seperti bahagian anggota badan, kombinasi warna atau kata panggilan berkemungkinan mempunyai perbendaharaan kata yang lebih terperinci daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain (Klaudy, 2009)<sup>13</sup>. Kata “*brother*” dan “*sister*” misalnya dalam bahasa Inggeris akan menghadapi pengeksplisitan dalam bahasa Melayu apabila terpaksa diterjemahkan kepada frasa “*abang atau adik lelaki*” dan begitu juga “*kakak atau adik perempuan*”.


Beberapa istilah telah digunakan dalam menghuraikan fenomena pengeksplisitan termasuklah “strategi”, “teknik” dan “proses” (Baker, 1996; Blum-Kulka, 1986; Olohan & Baker, 2000; Pápai, 2004; Weissbrod, 1992)<sup>18,5,19,17,20</sup>. Dua istilah awal tersebut memberi gambaran bahawa fenomena ini adalah hasil terjemahan secara sadar semasa memindahkan maklumat bahasa sumber. Manakala istilah ketiga (proses) merupakan hasil penterjemahan secara tidak sadar yang dipengaruhi oleh proses kognitif tertentu semasa pemindahan bahasa sumber (Baumgarten et al., 2008: 181)<sup>21</sup>.

### **Hipotesis Pengeksplisitan Blum-Kulka**

Pengeksplisitan pada mulanya diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1958)<sup>3</sup> menerusi buku *Stylistique Comparée Du Français Et De L'anglais*. Vinay & Darbelnet (1995)<sup>15</sup> menyentuh pengeksplisitan dalam perbandingan kategori gender antara bahasa Inggeris dengan bahasa Perancis, khususnya dari aspek pengeksplisitan kata ganti nama diri (*explicitation of pronouns*). Walau bagaimanapun model pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Vinay & Darbelnet (1958)<sup>3</sup> terhad semata-mata kepada peringkat makna (*meaning-level*) dan jenis teks (*textual types*). Pada pandangan mereka berdua, pengeksplisitan terjadi kesan daripada bentuk konteks yang mengawal makna (Murtisari, 2016: 67)<sup>4</sup>.

Selanjutnya idea pengeksplisitan dikembangkan semula oleh Nida (1964)<sup>10</sup>. Tanpa menggunakan istilah “*explicitation*”, Nida (1964: 226-231)<sup>11</sup> memperkenalkan tiga teknik penyesuaian (*adjustment*) yang digunakan semasa proses penterjemahan iaitu *additions* (penambahan), *subtractions* (pengguguran) dan *alterations* (pindaan). Berdasarkan ketiga-tiga teknik ini, skop pengeksplisitan cenderung kepada jenis teknik pertama iaitu teknik penambahan.

Teknik penambahan di sisi Nida (1964: 227-231)<sup>11</sup> terbahagi kepada sembilan pecahan; *filling out elliptical expressions* (memperjelaskan ekspresi elipsis), *obligatory specification* (spesifikasi wajib), *additions required because of grammatical restructuring* (penstrukturan semula tatabahasa), *amplification from implicit to explicit status* (perincian implisit kepada eksplisit), *answers to rhetorical questions* (respon terhadap persoalan retorik), *classifiers* (pengklasifikasi), *connectives* (penghubung), *categories of receptor language which do not exist in the source language* (bentuk bahasa penerima yang tidak terdapat dalam bahasa sumber) dan *doublets* (persamaan semantik).



Rajah 1. Pengeksplisitan dalam Nida (1964)<sup>11</sup>

Nida (1964)<sup>11</sup> menyebut soal pengeksplisitan khususnya di bahagian keempat dalam teknik penambahan iaitu *amplification from implicit to explicit status* (perincian implisit kepada eksplisit) (Krüger, 2014: 159)<sup>6</sup>. Ini dapat diperhatikan melalui kenyataan Nida (1964: 228)<sup>11</sup>: “*Important semantic elements carried implicitly in the source language may require explicit identification in the receptor*”

Selepas kajian Vinay & Darbelnet (1958)<sup>3</sup> dan Nida (1964)<sup>11</sup>, bidang pengeksplisitan mula menarik perhatian yang besar dalam kalangan sarjana (Baumgarten et al., 2008: 182)<sup>21</sup>. Hampir dua dekad kemudian muncul kajian sistematik pertama dalam pengeksplisitan yang ditulis oleh Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>. Berlainan dengan kajian sebelumnya, Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> mengkaji

penambahan makna eksplisit kesan daripada perubahan kohesi (ketenunan teks) dan koheren (aliran tematik) (Murtisari, 2016: 69)<sup>4</sup>.

Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> menganalisis pengeksplisitan melalui peningkatan tahap kohesi teks terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Norway dan juga bahasa Norway ke bahasa Inggeris. Bertitik tolak daripada penyelidikan tersebut, Blum-Kulka (1986: 19)<sup>5</sup> mengemukakan satu hipotesis penting dalam pengeksplisitan berdasarkan peningkatan tahap kohesi iaitu :

*“The process of interpretations performed by the translator on the source text might lead to a TL text which is more redundant than the SL text. This redundancy can be expressed by a rise in the level of cohesive explicitness in the TL text. This argument may be stated as “the explicitation hypothesis”, which postulates an observed cohesive explicitness from SL to TL texts regardless of the increase traceable to differences between the two linguistic and textual systems involved. It follows that explicitation is viewed here as inherent in the process of translation.”*

Kenyataan ini merupakan hipotesis yang menganggap proses penterjemahan akan menyebabkan teks sasaran cenderung kepada eksplisit berbanding teks sumber tanpa mengambil kira jumlah perbezaan sistem linguistik dan tekstual antara dua bahasa. Hal ini menjadikan pengeksplisitan sebagai ciri universal dan satu fenomena yang tidak dapat dipisahkan dalam proses penterjemahan sekalipun sistem linguistik dan tekstual dua bahasa tidak mengalami jurang ketara.

Hipotesis ini turut menggambarkan bahawa proses penterjemahan akan menghasilkan teks sasaran yang bersifat lebih lewah (*redundancy*) daripada teks sumber. Sifat lewah tersebut dapat dikenal pasti melalui peningkatan tahap kohesi makna eksplisit yang terjalin dalam teks sasaran. Dengan kata lain, pengeksplisitan mengikut Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> merupakan ciri terjemahan semula jadi dalam proses penterjemahan dan bukannya hasil produk perbezaan linguistik dan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Ini bermakna teknik ini diamalkan oleh semua lapisan sama ada pelajar mahupun penterjemah di kalangan profesion atau bukan profesion.

### **Perbincangan terhadap Kritikan Hipotesis Pengeksplisitan**

Kajian dalam ruang lingkup pengeksplisitan mula berkembang secara drastik setelah kajian Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>. Fokus sebahagian besarnya adalah untuk membuktikan hipotesis pengeksplisitan selain meneroka kriteria baharu pengeksplisitan dalam terjemahan (Murtisari, 2016: 70)<sup>4</sup>. Hipotesis tersebut telah memperolehi sokongan daripada kajian sesudahnya seperti kajian Englund Dimitrova (1993)<sup>12</sup>, Øverås (1998)<sup>22</sup>, Olohan & Baker (2000)<sup>19</sup>, Puurtinen (2004)<sup>23</sup>, Pápai (2004)<sup>17</sup> dan Séguinot (1988)<sup>24</sup>.

Malah kajian Øverås (1998: 18)<sup>22</sup> mengesahkan hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> yang menyatakan pengeksplisitan mempunyai kekerapan yang lebih tinggi untuk berlaku berbanding pengimplisitan dalam sesebuah teks terjemahan. Kajian Olohan & Baker (2000: 142)<sup>19</sup> menjelaskan kecenderungan ke arah pengeksplisitan merupakan satu ciri dalam terjemahan. Ciri ini akan menyebabkan teks sasaran lebih panjang daripada teks sumber tanpa mengira arah terjemahan yang berlaku.

Menurut Marco (2012: 231)<sup>25</sup>, keseluruhan senarai kajian yang dinyatakan tersebut telah menghasilkan dapatan yang menyokong apa yang telah dikemukakan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> melainkan kajian Puurtinen (2004)<sup>23</sup> yang dilihat tidak mempunyai dapatan jelas dalam hal tersebut. Sungguhpun demikian, Marco (2012: 230)<sup>25</sup> berpandangan kajian-kajian tersebut tidak membatasi penelitian kepada bentuk kohesi dalam menentukan indikator pengeksplicitan, malah kajian-kajian tersebut juga mengambil pandangan yang lebih meluas daripada pandangan asal Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>.

Selain itu, Becher (2010b: 3-8)<sup>9</sup> menerangkan bahawa sebahagian besar kajian yang mendokong hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> sebagaimana kajian Øverås (1998)<sup>22</sup>, Séguinot (1988)<sup>24</sup>, Olohan & Baker (2000)<sup>19</sup>, Pápai (2004)<sup>17</sup> dan Puurtinen (2004)<sup>23</sup> adalah terdedah kepada kritikan dari sudut metodologi kajian yang lemah, rentetan itu Becher (2010b)<sup>9</sup> menyeru supaya melakukan penilaian semula secara “*rigorous*” terhadap huraian konsep pengeksplicitan.

Pym (2005: 31)<sup>14</sup> melontar beberapa pandangan dan kritikan terhadap hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup>. Salah satunya berkenaan ciri hipotesis yang hanya terbatas pada takat “*cohesive explicitness*” dalam bahagian teks tanpa mengambil kira aspek linguistik yang lain di sebalik teks.

Murtisari (2014: 277)<sup>10</sup> mempertahankan hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> dengan menyatakan bahawa hipotesis tersebut lebih cenderung kepada pemindahan wacana dan tekstual berbanding bentuk-bentuk eksplisiti yang lain. Walau bagaimanapun menurut Murtisari (2014: 279)<sup>10</sup>, perkara yang lebih mustahak dalam kajian pengeksplicitan ialah pendefinisian semula konsep makna “*explicitness*” dan “*implicitness*” kerana kegagalan mendefinisikan kedua-dua kata kunci ini akan menyebabkan konsep pengeksplicitan tidak akan berjaya difahami dengan baik.

Meskipun kajian Séguinot (1988)<sup>24</sup> memperolehi dapatan yang sama atau menyokong hipotesis pengeksplicitan, namun beliau turut mengkritik definisi Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> dengan menyifatkannya sebagai “terlalu sempit” (*too narrow*) kerana menurut Séguinot (1988: 106)<sup>24</sup> pengeksplicitan tidak semestinya terbatas kepada tahap kelewahan teks (*redundancy*). Pengeksplicitan boleh turut berlaku kesan daripada ekspresi, spesifikasi dan juga penggunaan tatabahasa (Heltai, 2005; Klaudy & Károly, 2005)<sup>26,27</sup>.

House (2004)<sup>28</sup> berpandangan bentuk pengeksplicitan terjadi lebih ketara apabila terdapat sistem linguistik dan bentuk stilistik yang berbeza. Ini berbeza dengan apa yang dinyatakan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> berhubung kecenderungan penterjemah ke arah melakukan pengeksplicitan tanpa mengira perbezaan sistem linguistik dan tekstual bahasa (House, 2004 In Becher, 2010a; Murtisari, 2014: 276)<sup>28,8,28</sup>.

Jika dilihat dari sudut yang lain, kritikan lain yang dilontarkan Becher (2010a: 5-8)<sup>8</sup> termasuklah tentang apa yang disifatkan sebagai hipotesis yang tidak memberi galakan (*unmotivated*). Di samping sifatnya yang terlalu terbuka (*unparsimonious*) dan rumusannya yang tidak jelas (*vaguely formulated*). Hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> menurut Becher (2010a)<sup>8</sup> tidak memberi galakan atau dorongan kerana tidak disertakan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa proses interpretasi teks sumber adalah satu-satunya faktor yang menyumbang kepada pengeksplicitan.

Tambah Becher (2010a: 6)<sup>8</sup> lagi, mana-mana hipotesis saintifik perlu bersifat memberi galakan “*motivated*”. Perkara ini perlu dititikberatkan bagi mengelak hasil dapatan yang beliau sebutkan sebagai “*pseudo-significant findings*” yang membawa maksud sesuatu yang signifikan dari statistik namun tidak menyumbang sebarang makna dari hasil dapatan. Istilah “*pseudo-significant findings*” ini boleh difahami secara lebih dekat melalui contoh mudah yang diberikan Dallal (2007)<sup>29</sup>:

*In the early part of the twentieth century, it was noticed that, when viewed over time, the number of crimes increased with membership in the Church of England. This had nothing to do with criminals finding religion. Rather, both crimes and Church membership increased as the population increased. Association does not imply causation! Should opposition increase or decrease accuracy? During WWII it was noticed that bombers were more accurate when there was more opposition from enemy fighters. The reason was that fighter opposition was less when the weather was cloudy. The fighters couldn't see the bombers, but the bombers couldn't see their targets! Association does not imply causation, at least not necessarily in the way it appears on the surface!*

Oleh demikian, hipotesis seperti “*the number of crimes increased with membership in the Church of England*” atau “*the presence of many enemy fighters leads to bomber pilots aiming better*” menurut Becher (2010a)<sup>8</sup> adalah mempunyai persamaan dengan bentuk hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> yang tidak membayangkan situasi sebenar dan tidak mendorong sebarang motivasi.

Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> menyatakan proses interpretasi dalam terjemahan mungkin akan menghasilkan teks sasaran yang bersifat lebih lewah atau lebih eksplisit daripada teks sumber. Namun menurut Becher (2010a)<sup>8</sup>, kenyataan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> tersebut tidak menyatakan secara jelas bagaimana proses interpretasi dapat mengundang ke arah pengeksplisitan. Oleh itu Becher (2010a)<sup>8</sup> mempersoalkan apa yang disebut Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> sebagai “*argument*” kepada hipotesisnya. Becher (2010a: 5)<sup>8</sup> menjelaskan bahawa kita mungkin bersetuju bahawa teks sasaran lebih cenderung eksplisit berbanding teks sumber tetapi malangnya hipotesis Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> tidak menyatakan sebarang sebab dan justifikasi kukuh kepada hipotesisnya sebaliknya terus menyifatkannya sebagai “*argument*”.

Becher (2010a: 19)<sup>8</sup> berpandangan pengeksplisitan kesan pengurangan jurang budaya tidak boleh dikategorikan sebagai “*translation-inherent*”. Pertama disebabkan penterjemah sebagaimana penulis teks bukan terjemahan (*authors of non-translated texts*) kedua-duanya mengikuti prinsip komunikasi yang sama dengan memilih kaedah implisit dan eksplisit masing-masing dalam menerangkan bahagian tertentu komunikasi. Kedua, tugas mengisi jurang budaya bukan hanya berlaku dalam terjemahan tetapi turut terjadi dalam situasi ekabahasa (*monolingual*), contohnya seorang penulis imigran yang menulis perihal budaya negara asalnya akan berkongsi situasi yang sama dengan penterjemah dalam memindahkan bentuk budaya yang berbeza.

Tindakan Becher (2010a)<sup>8</sup> menidakkan hipotesis pengeksplisitan boleh dianggap sebagai langkah radikal, namun tidak boleh dinafikan bahawa kritikan Becher (2010a)<sup>8</sup> tersebut mampu mewujudkan epistemologi terhadap perbincangan bidang ilmu ini (Marco, 2012: 230)<sup>25</sup>. Murtisari (2016: 75)<sup>4</sup> meskipun tidak bersetuju dengan Becher (2010b)<sup>9</sup> dalam beberapa perkara namun bersependapat dengannya berhubung keperluan satu konsep yang jelas dalam domain kajian pengeksplisitan.



## Kesimpulan

Dapatan keseluruhan perbincangan mendapati hipotesis pengeksplisitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> terdedah kepada beberapa kelemahan yang boleh disimpulkan. Pertama, hipotesis ini tidak menyertakan secara lengkap definisi pengeksplisitan dan bentuk “*redundancy*” yang dimaksudkan selain daripada aspek penghuraian teks yang panjang. Persoalan kedua yang perlu diberi perhatian sewajarnya ialah apa yang dinyatakan sebagai sifat semula jadi proses terjemahan akan mendorong hasil terjemahan menjadi lebih eksplisit daripada teks sumber. Seterusnya kritikan ketiga adalah berkait dengan hipotesisnya yang tidak mengundang sebarang motivasi atau galakan dalam pengajian bidang pengeksplisitan.

Kajian berpandangan sekalipun pemindahan antara dua bahasa mempunyai kaitan rapat dengan terjemahan universal pengeksplisitan, namun ia tidak berbentuk kelaziman dalam setiap pemindahan bahasa atau mana-mana aspek khusus bahasa. Becher (2010a)<sup>8</sup> yang menolak hipotesis pengeksplisitan Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> telah mengusulkan hipotesis asimetri Klaudy & Károly (2005)<sup>27</sup> sebagai gantian kepadanya. Justifikasi pemilihan Becher (2010a: 25)<sup>8</sup> tersebut rentetan daripada pandangannya yang tidak mendakwa sebagaimana hipotesis pengeksplisitan bahawa hasil pengeksplisitan senantiasa melebihi pengimplisitan dalam apa jua situasi. Meskipun demikian, hipotesis pengeksplisitan atau kajian Blum-Kulka (1986)<sup>5</sup> mempunyai peranan besar yang tidak dapat dinafikan dalam mencorak dan mencambah perbincangan pengeksplisitan pada masa kini.

Kajian menyarankan kajian lanjutan berpandukan teori pengeksplisitan dan pengimplisitan Klaudy & Károly (2005)<sup>27</sup> sebagaimana saranan Becher (2010a)<sup>8</sup>. Lebih-lebih lagi dalam skop terjemahan bahasa Melayu kerana kajian mengenainya masih lagi baharu, apatah lagi tinjauan dari sudut pengeksplisitan dan pengimplisitan (Syed Nurulakla Syed Abdullah 2015: 195)<sup>30</sup> yang berperanan mendedahkan metodologi terjemahan yang lebih meluas (Salmi Abdul Shukor et al., 2020)<sup>31</sup>.

## Rujukan

1. Raoufkazemi, F., Khorsand, M., Asl, M. P., & Amirdabbaghian, A. (2020). Expertise and Explicitation in English Translations of the Holy Quran. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 26(3), 154–169. <https://doi.org/10.17576/3L-2020-2603-12>
2. Sharifi, A., Baleghizadeh, S., & Sharifi, A. (2010). Explicitation of Implicit Logical Links in Persian-English Translation. *Translation & Interpreting*, 2(2), 57–65. Retrieved from <http://www.trans-int.org/index.php/transint/article/view/89>
3. Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1958). *Stylistique Comparée du Français et de L'Anglais*. Paris: Marcel Didier.
4. Murtisari, E. T. (2016). Explicitation in Translation Studies: The Journey of an Elusive Concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
5. Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of Cohesion and Coherence in Translation. In J. House & S. Blum-Kulka (Eds.), *Interlingual and Intercultural Communication: Discourse and Cognition in Translation and Second Language Acquisition Studies* (pp. 17–35). G. Narr.
6. Krüger, R. (2014). From S-explicitation to T-explicitation? Tracing the Development of

- the Explicitation Concept. *Across Languages and Cultures*, 15(2), 153–175. <https://doi.org/10.1556/Acr.15.2014.2.1>
7. Kolehmainen, L. (2014). The translation of null subjects: A test case for the explicitation hypothesis. *Across Languages and Cultures*, 15(1), 25–50. <https://doi.org/10.1556/Acr.15.2014.1.2>
  8. Becher, V. (2010a). Abandoning the Notion of “Translation-Inherent” Explicitation: Against a Dogma of Translation Studies. *Across Languages and Cultures*, 11(1), 1–28. <https://doi.org/10.1556/Acr.11.2010.1.1>
  9. Becher, V. (2010b). Towards a More Rigorous Treatment of the Explicitation Hypothesis in Translation Studies. *Trans-Kom* 3, 3(1), 1–25.
  10. Murtisari, E. T. (2014). Response to Becher’s Two Papers on the Explicitation Hypothesis. *Trans-Kom*, 7(2), 272–281.
  11. Nida, E. A. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: Brill.
  12. Englund Dimitrova, B. (1993). Semantic Change in Translation: a Cognitive Perspective. In J. Gambier, Y. & Tammola (Ed.), *Translation and Knowledge* (pp. 285–296). Turku: Centre for Translation and Interpreting, University of Turku.
  13. Klaudy, K. (2009). Explicitation. In M. Baker & G. Saldanha (Eds.), *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (Cet.2, pp. 106–108). London and New York: Routledge.
  14. Pym, A. (2005). Explaining Explicitation. *New Trends in Translation Studies: In Honour of Kinga Klaudy*, (November 1992), 29–43.
  15. Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: a Methodology for Translation*. Amsterdam: J. Benjamins Pub. Co.
  16. Kamenická, R. (2013). Defining Explicitation in Translation. *Brno Studies in English*, 33(1), 45–57.
  17. Pápai, V. (2004). Explicitation: A Universal of Translated Text? In A. Mauranen & P. Kujamäki (Eds.), *Translation Universal, DO They Exist?* (Vol. 48, pp. 143–164). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
  18. Baker, M. (1996). Corpus-based Translation Studies: The Challenges that Lie Ahead. In H. Somers (Ed.), *Terminology, LSP, and Translation*. John Benjamins Publishing Company.
  19. Olohan, M., & Baker, M. (2000). Reporting That in Translated English. Evidence for Subconscious Processes of Explicitation? *Across Languages and Cultures*, 1(2), 141–158.
  20. Weissbrod, R. (1992). Explicitation in Translations of Prose-fiction from English to Hebrew as a function of Norms<sup>1</sup>. *Multilingua*, 11(2), 153–172. <https://doi.org/10.1515/mult.1992.11.2.153>
  21. Baumgarten, N., Meyer, B., & Özçetin, D. (2008). Explicitness in Translation and Interpreting: a Critical Review and Some Empirical Evidence (of an Elusive Concept). *Across Languages and Cultures*, 9(2), 177–203. <https://doi.org/10.1556/Acr.9.2008.2.2>
  22. Øverås, L. (1998). In Search of the Third Code: An Investigation of Norms in Literary Translation. *Meta*, 43(4), 557–570. <https://doi.org/10.7202/003775ar>
  23. Puurtinen, T. (2004). Explicitation of Causal Relations: a Corpus-Based Analysis of Clause Connectives in Translated and Non-Translated Finnish Children’s Literature. In P. Mauranen, A. & Kujamäki (Ed.), *Translational Universals: Do They Exist?* (pp. 165–176). Benjamins: benjamins.
  24. Séguinot, C. (1988). Pragmatics and the Explicitation Hypothesis. *TTR : Traduction, Terminologie, Rédaction*, 1(2), 106. <https://doi.org/10.7202/037024ar>

25. Marco, J. (2012). an Analysis of Explicitation in the Covalt Corpus: the Case of the Substituting Pronoun One(s) and its Translation into Catalan. *Across Languages and Cultures*, 13(2), 229–246.
26. Heltai, P. (2005). Explicitation, Redundancy, Ellipsis and Translation. In *New Trends in Translation Studies: In Honour of Kinga Klaudy* (pp. 45–74). Budapest: Akadémiai Kiadó.
27. Klaudy, K., & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical Evidence for Operational Asymmetry in Translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13–28. <https://doi.org/10.1556/acr.6.2005.1.2>
28. House, J. (2004). Explicitness in Discourse Across Languages. In J. House, W. Koller, & S. Klaus (Eds.), *Neue Perspektiven in der Übersetzungs- und Dolmetsch- wissenschaft* (pp. 185–207). Bochum: AKS.
29. Dallal, G. E. (2007). The Little Handbook of Statistical Practice. In *Chapter on Cause & Effect*. Retrieved from <http://www.jerrydallal.com/LHSP/cause.htm>
30. Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). Analisis Makna Implisit dan Eksplisit dalam Penterjemahan Buku “Rihlah Ibnu Battutah” ke Bahasa Melayu [Analysis of Implicit and Explicit Meaning in the Malay Translation of the Book ‘Rihlah Ibn Battutah’]. Universiti Malaya. (Unpublished doctoral dissertation)
31. Salmi Abdul Shukor, Taj Rijal Romli, & Mohamed, A. (2020). Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu dalam Buku Kalilah Wa Dimnah [Analyzing the Meaning of Arab-Malay Proverb Explicitation in Kalilah & Dimnah Book]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 79–89. <https://doi.org/10.33306/mjssh/98>